

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Malaysia kini berada di pusingan lima tahun terakhir ke arah menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Sejauh manakah pencapaian hingga sekarang dari sudut pendapatan dan juga kecanggihan ekonomi negara dan adakah Malaysia sudah mempunyai tahap pengetahuan, daya inovasi dan daya saing yang boleh meletakkan Malaysia setanding dengan negara maju yang lain.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan berkeyakinan bahawa Malaysia mampu mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 di sebalik keadaan ekonomi semasa yang mencabar. Pendekatan yang dilaksanakan di bawah RMKe-10 dan RMKe-11 juga dijangka mampu melonjakkan Malaysia beralih daripada negara berpendapatan sederhana tinggi kepada negara berpendapatan tinggi untuk mencapai pendapatan per kapita sekurang-kurangnya AS\$15,000 pada tahun 2020. Ini berdasarkan kepada prestasi ekonomi negara yang kekal mampan dan berdaya saing serta mampu mencatat pertumbuhan sebanyak 6% pada tahun 2014. Bagi tahun 2015, ekonomi negara dijangka akan berkembang antara 4.5% hingga 5.5%.

Dari sudut sosioekonomi, kadar kemiskinan telah berkurang daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 0.6% pada tahun 2014, manakala kemiskinan tegar telah berjaya dibasmi. Pendapatan bulanan purata isi rumah meningkat lebih 20 kali daripada RM264 pada tahun 1970 kepada RM6,141 pada tahun 2014. Dalam tempoh yang sama, pendapatan penengah meningkat daripada RM166 kepada RM4,585. Jurang pendapatan juga semakin mengecil seperti yang ditunjukkan oleh pekali Gini daripada 0.513 pada tahun 1970 kepada 0.401 pada tahun 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian Malaysia juga telah diiktiraf di arena antarabangsa sebagaimana berikut:

- Merupakan negara ke-12 paling berdaya saing daripada 60 negara berdasarkan kepada *World Competitiveness Yearbook 2014, International Institute for Management Development*;
- Menduduki tangga ke-20 daripada 144 negara dalam *Global Competitiveness Report 2014-2015, World Economic Forum*;
- Menduduki tangga ke-18 daripada 189 negara dalam *Doing Business Report 2015, World Bank*; dan
- Merupakan negara 20 teratas sebagai destinasi yang mesra pelabur berdasarkan *Economist Intelligence Unit's 2014 Business Environment Rankings, 2014-2018*.

Kesemua pencapaian ini menyokong landasan bagi meletakkan Malaysia setanding dengan negara maju yang lain menjelang 2020.

Sekian. Terima kasih.